

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IX)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

6. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan para belia menceburi bidang pertanian terutama fertigasi?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan para belia untuk menceburi bidang pertanian supaya mampu menjadi pelapis kepada petani sedia ada. Mengikut data statistik Jabatan Pertanian Negeri, 95% dari petani di Negeri Pulau Pinang adalah terdiri dari petani yang berumur lebih 50 tahun.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah mengagihkan peruntukan sebanyak RM50,000.00 setiap tahun bagi tujuan pelaksanaan program pembangunan belia di negeri ini dalam bentuk latihan. Antara latihan yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 di bawah peruntukan ini ialah Kursus Asas Fertigasi, Bengkel Penyediaan Pelan Perniagaan dan Kursus Penyediaan Baja Organik. Kursus-kursus ini diadakan dengan tujuan melengkapkan para belia dengan teknologi pertanian dan perancangan projek supaya golongan belia dapat melaksanakan projek dengan baik dan seterusnya dapat memberikan keuntungan yang optima. Agihan peruntukan Pembangunan Pelapis ada tahun 2020 mengikut Daerah adalah seperti berikut:-

<b>AGIHAN</b>	<b>TAHUN 2020</b>
Negeri	20,000.00
Seberang Perai Utara	7,500.00
Seberang Perai Tengah	7,500.00
Seberang Perai Selatan	7,500.00
Barat Daya / Timur Laut	7,500.00
<b>JUMLAH</b>	<b>50,000.00</b>

Selain peruntukan untuk tujuan pembangunan kapasiti, belia yang berminat menjalankan projek pertanian sama ada sub-sektor tanaman, boleh memohon insentif di bawah peruntukan seperti di bawah:-

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>PERUNTUKAN TAHUN 2020 (RM)</b>
1.	Pembangunan Tanaman Padi	500,000.00
2.	Pembangunan Tanaman Buah-Buahan	300,000.00
3.	Pembangunan Sayur-Sayuran	400,000.00
4.	Program Pembangunan Tanaman Lain-Lain Ekonomi	100,000.00
6.	Pembangunan Kawasan Kelapa	100,000.00
<b>JUMLAH (RM):</b>		<b>1,400,000.00</b>

Insentif yang diberikan ialah dalam bentuk pakej amalan teknologi pertanian yang merangkumi penyediaan infrastruktur ladang, penyediaan input pertanian seperti baja dan racun, perkhidmatan mekanisasi ladang, peralatan dan jentera pertanian. Tujuan pemberian insentif ini juga adalah sebagai usaha Kerajaan Negeri bagi menggalakkan para belia mengamalkan teknologi yang dipelajari.

Walau bagaimana pun, pihak Jabatan Pertanian Negeri tiada agihan khas bagi tujuan pembangunan projek fertigasi di bawah peruntukan pembangunan negeri. Manakala untuk peruntukan pembangunan Persekutuan, kadar bantuan yang diberikan adalah sehingga RM50,000.00 per hektar untuk menjalankan projek fertigasi khasnya untuk projek sayur-sayuran dan melon.

Selain itu, belia yang berhasrat menjalankan projek pertanian juga boleh memohon pembiayaan dalam bentuk pinjaman mikro kredit di bawah Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Kemudahan pinjaman adalah sehingga RM6,000.00 kepada belia berumur 40 tahun dan ke bawah dan untuk usahawan tani yang berumur 40 tahun dan ke atas, kemudahan pinjaman adalah sehingga RM5,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama 2 tahun. Manakala untuk pinjaman kali kedua kadar faedah yang dikenakan ialah 8% setahun.